

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

YMT 201 - Teori Komunikasi

Masa: [3 jam]

Jawab Soalan 1 dari Bahagian A dan TIGA (3) soalan dari Bahagian B.

Bahagian A

1. Teori-teori komunikasi sebenarnya dimaklumkan dan dipengaruhi oleh beberapa perkembangan dalam masyarakat dan juga oleh beberapa disiplin seperti sosiologi dan psikologi. Bincang dengan menyediakan contoh-contoh yang jelas.

(25 markah)

Bahagian B: Jawab TIGA (3) soalan.

2. Dengan menyediakan contoh-contoh yang jelas, terangkan pengaruh fungsionalisme atau marxisme terhadap model dan kajian penonton.

(25 markah)

3. Dalam negara-negara membangun seperti Malaysia, peranan media ialah untuk mengubah sikap rakyat dari sikap tradisional kepada sikap moden. Nilaikan pandangan ini.

(25 markah)

4. Bukan semua yang boleh dikira bermakna, bukan semua yang bermakna boleh dikira. Bincangkan pendapat ini dalam konteks model-model penganalisisan isi kandungan media.

(25 markah)

5. Dalam kajian pengendalian media dewasa ini, konsep pengampang tidak meyakinkan lagi. Bincangkan pendapat ini, terutamanya berdasarkan konsep-konsep pengawalan "operational" dan "allocative".

(25 markah)

6. Sejauh manakah benarnya dakwaan Everett Rogers bahawa paradigma dominan sudah pun dirombak?

(25 markah)

...2/-

7. Tesis imperialisme media seharusnya mengambilkira perhubungan kuasa di dalam negara. Bincangkan pendapat ini berasaskan keadaan di Malaysia dewasa ini.

(25 markah)

-0000000-